

**Umno Pulau Pinang Kecam Kerajaan Negeri 'Lepas Tangan' Isu Pesta Bogel
Bernama
August 7, 2014**

GEORGE TOWN, 7 Ogos (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Negeri Pulau Pinang mengecam tindakan kerajaan negeri yang dilihat seolah-olah bersikap 'lepas tangan' berhubung pesta sukan bogel di Teluk Kampi dalam kawasan Taman Negara Pulau Pinang.

Pengerusinya Datuk Zainal Abidin Osman berkata kerajaan negeri tidak boleh bersikap tidak bertanggungjawab hanya kerana kawasan berkenaan adalah di bawah kelolaan agensi kerajaan pusat.

"Pada masa jumlah pelancong ke Pulau Pinang meningkat, kerajaan negeri tidak segan silu mengambil kredit tetapi apabila terjadi perbuatan jijik dan memalukan, kerajaan negeri dengan tangkas mengambil sikap melepaskan tanggungjawab kepada pihak lain," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita bagi mengulas kenyataan Ketua Menteri Lim Guan Eng semalam bahawa kawasan itu adalah di bawah kawal selia Taman Negara Pulau Pinang dan di luar bidang kuasa kerajaan negeri, oleh itu ia diserahkan kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk menjalankan siasatan.

Zainal Abidin berkata Umno Pulau Pinang mendesak pihak berkenaan menyegerakan siasatan dan mendakwa mereka yang terlibat terutamanya individu yang dikatakan penganjur acara berkenaan.

"Penganjuran acara sukan bogel tersebut merupakan satu penghinaan tahap tinggi dan perbuatan menjijikkan serta mencemarkan nama baik rakyat Pulau Pinang khususnya dan Malaysia amnya," katanya.

Video bertajuk 'Pesta Bogel Di Teluk Bahang, Penang' itu tersebar secara meluas di laman sosial sejak beberapa hari lepas.

Video berdurasi lima minit 52 saat itu memaparkan sekumpulan lelaki dan wanita dewasa dalam keadaan bogel melakukan pelbagai aktiviti di sebuah pondok dan di tepi pantai berkenaan.

Sementara itu, pihak Taman Negara gagal dihubungi untuk penjelasan berhubung isu diutarakan Lim dalam twitter beliau berkenaan kawasan chalet yang dirakam dalam aktiviti pesta sukan bogel itu.

Dalam Twitternya, Lim mencatatkan: "Inilah kawasan diwartakan kerajaan persekutuan yang chalet untuk pegawai awam sahaja. Macam mana boleh bagi sama orang luar guna...?".

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1058622>